

Pemimpin, Anggota BN Diminta Bertenang - Shafie Apdal
Bernama
May 13, 2014

IPOH, 13 Mei (Bernama) -- Pemimpin dan anggota Barisan Nasional (BN) diminta bertenang berikutan perkembangan terbaru politik di Terengganu kerana parti itu masih kekal memerintah kerajaan negeri, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata anggota BN perlu berdiri teguh dengan kepimpinan Menteri Besar Terengganu yang baharu Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman bagi memastikan kekuatan parti untuk memerintah kerajaan Terengganu dapat dipertingkatkan.

"Dari segi perlembagaan, kita (BN) masih lagi kerajaan di situ dan sudah ada pengganti selaku Menteri Besar. Selagi tiada makluman daripada (Speaker) Dewan Undangan Negeri (DUN) atau tuanku, keadaan masih lagi O.K.," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir di kediaman beliau di sini Selasa.

Beliau berkata demikian ketika mengulas tindakan tiga anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) termasuk bekas menteri besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said keluar parti dan menjadi wakil Bebas.

Mohd Shafie berkata kerajaan BN masih kekal memerintah negeri Terengganu apabila speaker DUN turut dikira bersama 14 Adun BN yang masih tinggal, selepas tiga Adun keluar parti dan menjadi wakil Bebas.

Mohd Shafie berkata Ahmad yang juga anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Kijal bersama Adun Ajil Ghazali Taib serta Adun Bukit Besi Roslee Daud masih tidak menyatakan pendirian mereka sama ada menyokong BN atau sebaliknya.

"Perlu ada penjelasan...tidak bererti mereka masuk Bebas mereka sokong pembangkang. Perlu ada pernyataan atau makluman kepada pihak istana, barulah istana yakin bahawa keadaan itu dah diperakukan," katanya.

Mengenai persefahaman antara Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dengan Ahmad berhubung peletakan jawatan sebagai Menteri Besar Terengganu, Shafie berkata persefahaman itu telah wujud sejak setahun lalu.

"Ada persefahaman antara Perdana Menteri dengan Ahmad Said di peringkat awal iaitu persefahaman untuk membolehkan supaya melanjutkan pelantikan beliau (Ahmad) menjadi Menteri Besar Terengganu.

"Waktu itu ada pergolakan di Terengganu, keadaan itu agak membimbangkan, ada yang setuju ada yang tak setuju, bagi mengelakkan keadaan itu tidak berlarutan, maka dah

dipersetujui supaya dilanjutkan sehingga setahun. Saya yakin Ahmad Said faham tentang perkara ini," katanya.

Beliau menegaskan khabar angin kononnya DUN Terengganu dibubarkan adalah tidak benar sambil meminta masyarakat tidak mudah mempercayai maklumat yang tiada kesahihannya.

"Tanggapan itu tidak benar seperti yang dinafikan speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu (Mohd Zubir Embong). Saya pasti ada orang ambil peluang untuk membuat sesuatu yang boleh melemahkan kekuatan BN di Terengganu," katanya.

Mengenai laman sosial heboh mengatakan bahawa perkembangan terbaru politik di Terengganu mempunyai persamaan dengan Perak yang berlaku sebelum ini, Shafie sama sekali mengatakan bahawa apa yang berlaku di kedua-dua negeri itu adalah berbeza.

"Di Perak lain di Terengganu lain kerana di Terengganu persefahaman di antara Perdana Menteri dengan bekas Menteri Besar Terengganu manakala di Perak krisis berlaku di antara BN dengan pembangkang," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037964>